



# **SIARAN MEDIA / MEDIA RELEASE**

**KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA  
MINISTRY OF FINANCE MALAYSIA**

---

**MENGENAI PEMBAYARAN PERINGKAT KETIGA**  
**BANTUAN SARA HIDUP (BSH) MULAI 15 OGOS 2018 (RABU)**

1. Sempena menyambut ketibaan Hari Raya Aidil Adha yang dijangka pada 22 Ogos 2018, **Kerajaan bersetuju agar pembayaran peringkat ketiga BSH 2018 dibuat mulai 15 Ogos 2018 (Rabu)**. Pembayaran ini akan melibatkan hampir 4.1 juta penerima dengan anggaran peruntukan sebanyak RM1.6 billion.
2. Sekali lagi Kerajaan Persekutuan menunjukkan komitmen untuk melaksanakan janji-janji Manifesto Pakatan Harapan. Walaupun GST sudah dimansuhkan, Kerajaan Persekutuan masih tidak mengalami kebangkrapan seperti yang didakwa oleh kerajaan terdahulu, sebaliknya masih mampu terus memberi BSH walaupun tanpa hasil cukai GST. Di samping itu, subsidi petrol sebanyak RM3 bilion telah disediakan sehingga akhir tahun ini untuk menstabilkan harga RON95 dan diesel pada tahap RM2.20 dan RM2.18 seliter sungguhpun harga minyak antarabangsa telah naik 42% kepada USD74 setong berbanding anggaran USD52 setong sebelum ini.
3. Perlu ditegaskan bahawa pembayaran RM1.6 bilion dibuat dalam keadaan kekangan kewangan kerana hutang Kerajaan Persekutuan yang mencecah RM1 trilion ekoran skandal kewangan 1MDB dan salah urus tadbir. Kerajaan berharap dengan pemberian BSH ini dapat membantu rakyat membeli barangan keperluan dan persiapan bagi menyambut Hari Raya Aidil Adha nanti.

4. Pembayaran BSH akan dikreditkan terus ke akaun penerima masing-masing. Bagi mereka yang tiada nombor akaun, surat kelulusan akan diposkan terus ke alamat penerima dan seterusnya boleh ditunaikan di mana-mana cawangan Bank Simpanan Nasional yang berhampiran.

5. Ingin saya tekankan bahawa Kerajaan akan cuba sedaya-upaya untuk memberikan keutamaan kepada rakyat, khususnya golongan yang kurang berkemampuan. Sebarang pertanyaan lanjut, orang ramai boleh menghubungi talian bebas tol 1800-88-2716 atau email kepada: [bsh@treasury.gov.my](mailto:bsh@treasury.gov.my)

**Sayangi Malaysiaku!**

**Lim Guan Eng**  
**Menteri Kewangan**  
**Kementerian Kewangan Malaysia**  
**Putrajaya**  
**3 Ogos 2018**